| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Wirazone raikan pelanggan anak yatim di Frim | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 31 Oct 2011 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 40 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | 499 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,745 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,234 |



# Wirazone raikan pelanggan, anak yatim di Frim

**WIRAZONE** Sdn Bhd (Wirazone), anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) sebagai pengedar bekalan elektrik di Kuala Lumpur Sentral dan air sejuk di seluruh kawasan, telah menganjurkan program Hari Penghargaan Pelanggan di kawasan hijau Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim) baru-baru ini.

Seramai 250 pelanggan Wirazone sertai aktiviti tahunan tersebut, yang diadakan tahun keempat berturut-turut, untuk menerokai alam semula jadi di sana. Selain itu, pihak penganjur turut melibatkan penyertaan golongan anak yatim dari Rumah Amal Peribadi Mulia dalam program yang mengeratkan hubungan komuniti dan pelanggan.

Peserta dibawa untuk menikmati keindahan landskap hutan di sana, dengan bantu jurupandu Frim. Selepas itu, acara mencari harta karun turut diadakan bagi merebut hadiah berupa wang tunai RM1,800 kepada tiga pemenang berkumpulan terbaik. Kanak-kanak turut berseronok dengan aktiviti seni lukis pasir dan sukaneka.



Pihak penganjur, peserta dan anak yatim merakam gambar kenangan selepas sertai aktiviti di Frim.

Powered by: MediaBanc
Be informed

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Wirazone raikan pelanggan anak yatim di Frim | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 31 Oct 2011 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 40 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | 499 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,745 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,234 |



Peserta memberi fokus terhadap jurupandu Frim yang memberi penerangan mengenai jenis tumbuhan.



Sebahagian peserta Hari Penghargaan Pelanggan memakai pakaian sedondon berwarna hijau dalam aktiviti pencarian harta karun.



Kanak-kanak teruja dalam pencarian gula-gula di kawasan lapang Frim.




Peserta menunjukkan semangat bekerjasama dalam menjalani aktiviti.

Powered by: MediaBanc
Be informed